

## Terma-terma dan Syarat-syarat Yang Mengawal Tadbir Akaun Pelaburan Emas (Berkuatkuasa dari 1 September 2018)

### Definisi

'Pemegang Akaun', atau 'anda'	bermaksud pemegang akaun individu atau pemegang akaun bukan individu untuk Akaun Pelaburan Emas (mana-mana yang berkenaan) dan hendaklah termasuk waris, wakil peribadi dan pengganti hakmiliknya masing-masing.
'Undang-undang Terpakai'	bermaksud semua statut, undang-undang, kaedah, peraturan, garis panduan, arahan dan pekeliling yang berkaitan atau terpakai (sama ada dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah, tribunal, badan atau pihak berkuasa kerajaan atau organisasi kawal selia sendiri yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana orang di dalam Kumpulan).
'Orang yang Diberikuasa'	bermaksud seorang yang diberikuasa oleh anda untuk mengoperasikan Akaun Pelaburan Emas dan untuk bertindak bagi pihak anda dalam memberikan arahan-arahan berkaitan Akaun Pelaburan Emas.
'Kod'	bermaksud 'The Internal Revenue Code of 1986' yang dikeluarkan oleh kerajaan Amerika Syarikat.
'DCHEQS'	bermaksud Sistem Maklumat Cek Tak Laku.
'Akaun yang Ditetapkan'	bermaksud akaun simpanan atau akaun semasa yang dibuka berhubung dengan Akaun Pelaburan Emas, atau suatu akaun simpanan atau akaun semasa sedia ada yang ditetapkan untuk dihubungkan kepada Akaun Pelaburan Emas, untuk memudahkan bayaran pembelian, pungutan hasil jualan dan pendebitan fi dan caj di bawah Akaun Pelaburan Emas.
'ePenyata'	bermaksud penyata elektronik yang boleh didapati untuk dilihat melalui PIB berikutan pendaftaran anda untuk perkhidmatan ePenyata bagi Akaun Pelaburan Emas.
'Kejadian Keingkar'	bermaksud apa-apa kejadian atau perkara yang dinyatakan di dalam Klausula 15.2(c) hingga (dd) di bawah ini.
'FATCA'	bermaksud seksyen-seksyen 1471 hingga 1474 yang terkandung di dalam Kod dan peraturan-peraturannya serta panduan lain yang dikeluarkan di bawah Kod, setiap satu sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa (secara umumnya dikenali sebagai 'Foreign Account Tax Compliance Act') ("FATCA") atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki dengan atau di antara pihak-pihak berkuasa untuk pelaksanaan FATCA.
'Akaun Pelaburan Emas'	boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mana-mana Akaun Pelaburan Emas di bawah nama Akaun Premier Emas, Akaun Simpanan Emas dan Akaun Pelaburan Emas yang lain sebagaimana yang kami tetapkan dari semasa ke semasa.
'Kumpulan'	bermaksud cawangan-cawangan, agensi-agensi, pejabat-pejabat perwakilan, perbadanan-perbadanan gabungan, bersekutu atau berkaitan, dan pegawai-pegawai, pekerja-pekerja atau ejen-ejen mereka masing-masing, sama ada yang berada di dalam dan luar Malaysia, dan termasuklah kami.

'Proses Perundangan'	boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa-apa proses pemula termasuk writ saman dan saman pemula dan juga apa-apa bentuk saman pemula, pliding, permohonan interlokutori, affidavit, perintah, penghakiman, notis, dan apa-apa dokumen lain yang perlu disampaikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan notis di bawah Akta Kebankrapan 1967 dan Akta Syarikat 2016.
'Data Peribadi'	boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, pekerjaan, butiran perhubungan, maklumat yang dikumpul dari sistem keselamatan (termasuk rekod imej anda di dalam Television Litar Tertutup (CCTV)), maklumat yang terkandung di dalam Akaun Pelaburan Emas yang dipegang oleh anda sama ada secara berseorangan atau berse sama dengan mana-mana orang lain, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda telah langgani dengan kami dan data lain yang perlu berkaitan diri anda dan transaksi-transaksi anda dengan kami.
'Sanksi'	bermaksud sanksi-sanksi, embargo-embargo atau langkah-langkah sekatan yang ditadbir, digubal atau dikuatkuasa oleh mana-mana kerajaan, institusi atau agensi kerajaan, pengawal selia atau pihak berkuasa.
'Penyata Akaun'	bermaksud salinan fizikal penyata yang kami keluarkan kepada anda setiap bulan dan apa-apa penyata fizikal tambahan yang dikeluarkan atas permintaan anda, atau ePenyata bulanan yang boleh didapati untuk dilihat melalui PIB yang menunjukkan semua transaksi di dalam Akaun Pelaburan Emas termasuk jualan dan belian emas.
'Terma-terma dan Syarat-syarat'	bermaksud terma-terma dan syarat-syarat ini yang mengawal tadbir Akaun Pelaburan Emas (termasuk apa-apa perubahan atau tambahan sebagaimana yang kami boleh tetapkan dari semasa ke semasa).
'Borang Transaksi'	bermaksud dokumen yang menyatakan arahan anda untuk pembelian emas yang akan ditempatkan ke dalam Akaun Pelaburan Emas atau jualan emas daripada Akaun Pelaburan Emas atau pertukaran emas fizikal dengan baki yang ada di dalam Akaun Pelaburan Emas pada tarikh yang dinyatakan di dalam dokumen ini.
'Bank', 'UOBM', atau 'kami'	bermaksud United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) dan hendaklah di mana terpakai, termasuk pengganti hakmilik dan serah haknya.
'Perbankan Internet Peribadi UOB' atau 'PIB'	bermaksud perkhidmatan perbankan internet peribadi yang disediakan oleh kami kepada anda (jika anda adalah seorang individu) untuk membolehkan anda mengakses akaun-akaun anda dengan kami dan menjalankan transaksi perbankan dan lainnya melalui sebuah komputer atau peranti mudah alih.
'Amerika Syarikat'	bermaksud 'United States of America'.
'Orang Amerika Syarikat'	bermaksud individu warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat, suatu perkongsian atau perbadanan yang diorganisasikan di Amerika Syarikat atau di bawah undang-undang Amerika Syarikat atau mana-mana negeri Amerika Syarikat, suatu amanah jika (i) sebuah mahkamah di dalam Amerika Syarikat mempunyai kuasa di bawah Undang-undang Terpakai untuk menjalankan perintah atau penghakiman berkenaan isu-isu yang sebahagian besarnya berkaitan pentadbiran amanah, dan (ii) seorang atau lebih Orang Amerika Syarikat yang mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan besar berkaitan amanah, atau harta pesaka daripada satu keturunan warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat. Definisi ini

hendaklah ditafsirkan berdasarkan Kod. Sila ambil perhatian bahawa orang-orang yang telah kehilangan kewarganegaraan Amerika Syarikat dan yang tinggal di luar Amerika Syarikat mungkin juga dalam sesetengah keadaan dianggap sebagai Orang Amerika Syarikat.

## **1 Terma-terma dan Syarat-syarat**

- 1.1 Dengan membuka, mengekal dan mengguna Akaun Pelaburan Emas, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Anda dianggap sebagai telah membaca, memahami dan menerima setiap terma.

## **2 Kelayakan**

- 2.1 Untuk individu, hanya orang yang telah berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibenarkan membuka satu Akaun Pelaburan Emas.

## **3 Akaun Terima**

- 3.1 Anda mengaku terima bahawa:-

- (a) kami boleh meminta satu amaun minimum emas untuk dikekalkan di dalam Akaun Pelaburan Emas;
- (b) pasaran emas adalah tidak menentu dan bahawa suatu kerugian boleh berlaku daripada suatu pelaburan emas; dan
- (c) pelaburan emas tidak memberikan hasil dividen atau faedah dan harga emas perlu naik secukupnya selama tempoh pelaburan untuk menghasilkan keuntungan apabila dijual.

## **4 Akaun Pelaburan Emas**

- 4.1 Untuk memohon membuka satu Akaun Pelaburan Emas, anda hendaklah menyempurnakan borang-borang seragam kami untuk pembukaan akaun dan memberikan kami mandat (jika ada), spesimen tandatangan dan apa-apa dokumen atau maklumat lain sebagaimana yang diperlukan oleh kami.
- 4.2 Kami boleh, mengikut budi bicara mutlak kami menolak mana-mana permohonan Akaun Pelaburan Emas tanpa memberikan sebarang sebab.
- 4.3 Sebelum membuka Akaun Pelaburan Emas, anda hendaklah menetapkan satu Akaun yang Ditetapkan untuk dihubungkan kepada Akaun Pelaburan Emas bagi memudahkan bayaran pembelian, pungutan hasil jualan dan pengebitan fi dan caj di bawah Akaun Pelaburan Emas.
- 4.4 Kami berhak menolak permohonan membuka suatu Akaun Pelaburan Emas sekiranya anda tidak atau enggan membuka Akaun yang Ditetapkan.
- 4.5 Nama akaun, Orang yang Diberikuasa dan syarat tandatangan Akaun yang Ditetapkan yang dihubungkan kepada Akaun Pelaburan Emas hendaklah benar-benar sama dengan Akaun Pelaburan Emas.

## **5 Operasi Akaun Pelaburan Emas**

- 5.1 Pembelian emas

- (a) Anda boleh membeli emas daripada kami untuk ditempatkan ke dalam Akaun Pelaburan Emas. Emas yang anda beli hendaklah emas yang tidak dipecah bahagi dan tidak teruntuk dengan berkehalusan 999.9

- (b) Harga belian emas hendaklah merupakan harga jualan kami sebagaimana ditentukan dan disebut harga oleh kami apabila kami menerima arahan anda untuk membeli emas berkenaan.
- (c) Setelah pembukaan Akaun Pelaburan Emas, anda dikehendaki membeli emas pada suatu amaun minimum awalan sebagaimana ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa.
- (d) Untuk pembelian berikutnya, anda dikehendaki membeli sekurang-kurangnya pada amaun minimum emas sebagaimana yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa.

## 5.2 Penjualan emas

- (a) Anda boleh menjual emas daripada Akaun Pelaburan Emas kepada kami.
- (b) Harga jualan emas hendaklah merupakan harga belian kami sebagaimana yang ditentukan dan disebut harga oleh kami apabila kami menerima arahan anda untuk menjual emas berkenaan.
- (c) Untuk sebarang jualan emas, anda boleh meneruskan transaksi jualan dengan syarat amaunnya adalah bersamaan atau melebihi amaun minimum emas yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa.
- (d) Hasil dari transaksi jualan akan dibayar secara tunai sahaja (dan bukan dalam bentuk emas fizikal) dan dikreditkan ke dalam Akaun yang Ditetapkan anda.

5.3 Untuk sebarang pembelian atau penjualan emas oleh anda kepada kami, anda hendaklah memberikan suatu arahan bertulis kepada kami dengan melengkapkan Borang Transaksi atau apa-apa borang lain yang ditetapkan oleh kami. Kami boleh, tetapi tidak berkewajipan, untuk menjalankan arahan-arahan anda. Setelah kami menerima arahan bertulis daripada anda, anda bersetuju bahawa arahan sedemikian adalah tidak boleh batal dan anda adalah terikat dengan arahan berkenaan.

5.4 Sebarang penjualan atau pembelian emas hanya boleh diurusniaga semasa waktu perbankan biasa kami pada suatu hari perniagaan yang hendaklah tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum di Malaysia.

5.5 Anda tidak dibenarkan memindahkan emas di dalam Akaun Pelaburan Emas anda kepada orang lain.

5.6 Kami boleh dari semasa ke semasa menggauli emas di dalam Akaun Pelaburan Emas anda dengan emas pemegang akaun yang lain atau menyimpannya di mana-mana tempat yang kami anggap sesuai atau meminjamkannya kepada mana-mana pelanggan kami.

5.7 Anda hendaklah membuat bayaran penuh untuk mana-mana emas yang dibeli daripada kami dengan memberi kuasa kepada kami untuk mendebitkan Akaun yang Ditetapkan dan anda mengakujaji untuk mengekalkan dana yang mencukupi di dalam Akaun yang Ditetapkan untuk tujuan ini. Kami tidak berkewajipan untuk melaksanakan mana-mana arahan pembelian jika didapati dana tidak mencukupi di dalam Akaun yang Ditetapkan.

5.8 Anda hendaklah memastikan bahawa apa-apa arahan untuk menjual emas hendaklah dihadkan kepada kuantiti sebenar emas di dalam Akaun Pelaburan Emas. Sekiranya didapati emas tidak mencukupi di dalam Akaun Pelaburan Emas, kami mempunyai kebebasan untuk enggan melaksanakan arahan penjualan demikian.

5.9 Apa-apa baki emas yang pada masa itu dibeli oleh anda tetapi belum lagi dijual semula hendaklah direkodkan di dalam Akaun Pelaburan Emas sebagai hutang dan kena dibayar oleh kami dan hendaklah diuruskan berdasarkan Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

## 6 Arahan-arahan

6.1 Untuk mandat pengoperasian mengendalikan atau menggunakan Akaun Pelaburan Emas:-

- (a) jika dipegang oleh seorang individu tunggal, anda mesti memberi kami semua maklumat berkenaan diri anda sebagaimana yang kami minta;
- (b) jika dipegang secara bersama oleh individu-individu atau rakan-rakan kongsi di dalam suatu perkongsian, anda mesti memberikan kami mandat pengoperasian mengendalikan Akaun Pelaburan Emas dan maklumat berkaitan Pemegang Akaun dan Orang yang Diberikuasa sebagaimana yang kami minta; atau
- (c) Jika dipegang oleh sebuah pertubuhan, persatuan, organisasi atau syarikat, anda mesti memberi kami resolusi yang diluluskan berdasarkan perlembagaan anda atau surat kuasa anda yang disempurnakan oleh seorang yang diberikuasa oleh perlembagaan anda untuk menama dan melantik Orang yang Diberikuasa anda (mana-mana yang berkenaan) dan maklumat berkaitan Pemegang Akaun dan Orang yang Diberikuasa sebagaimana yang kami minta.

6.2 Kami akan bertindak berdasarkan arahan bertulis anda yang ditandatangani berdasarkan mandat pengoperasian Akaun Pelaburan Emas.

6.3 Perubahan mandat pengoperasian:-

- (a) anda mesti memberitahu kami dengan segera secara bertulis tentang sebarang perubahan atau pertukaran dalam mandat pengoperasian, Orang yang Diberikuasa, cara tandatangan yang dibenarkan atau bila anda berhasrat mengubah tandatangan Orang yang Diberikuasa anda; dan
- (b) kami diberikan hak untuk suatu tempoh masa yang munasabah (tidak kurang dari tujuh (7) hari dari penerimaan pemberitahuan berkenaan) untuk memproses pertukaran atau perubahan tersebut. Kami boleh mengikut budi bicara mutlak kami bertindak atas mana-mana arahan, ditandatangani oleh anda atau Orang yang Diberikuasa anda sebelum kami memproses pertukaran dan perubahan tersebut.

6.4 Arahan-arahan:-

- (a) Semua arahan yang diberikan oleh anda atau Orang yang Diberikuasa anda adalah tidak boleh batal dan mengikat anda.
- (b) Kami diberikan hak untuk enggan menerima atau bertindak atas mana-mana arahan, sama ada untuk suatu penjualan atau pembelian emas atau apa-apa transaksi lain atau apa-apa perkara berkaitan Akaun Pelaburan Emas, jika:-
  - (i) kami tidak dapat menentusah identiti anda atau Orang yang Diberikuasa anda sehingga memuaskan hati kami;
  - (ii) kami mempunyai sebarang keraguan ke atas kesahan, kejelasan atau kesempurnaan arahan;
  - (iii) bentuk atau kandungan arahan berkenaan adalah tidak berdasarkan kehendak atau polisi atau amalan yang kami tetapkan dari semasa ke semasa;

- (iv) arahan tidak berdasarkan mandat yang pada masa itu berkuatkuasa berkaitan operasi Akaun Pelaburan Emas;
- (v) kami mempercayai atau mengesyaki bahawa arahan adalah tidak diberikuasa, berbentuk tipuan atau palsu;
- (vi) tandatangan di atas arahan berbeza daripada spesimen tandatangan di dalam rekod kami;
- (vii) suatu Kejadian Keingkaran telah berlaku atau sedang berlaku;
- (viii) kami menganggapnya sesuai dengan keadaan;

Dan kami tidak akan bertanggung kepada anda atas apa-apa kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang timbul daripada penahanan atau keengganan kami untuk bertindak.

- 6.5 Kami boleh bertindak atas mana-mana arahan yang kami percaya secara suci hati diberikan oleh anda atau Orang yang Diberikuasa anda, tanpa bertanya berkenaan:-
- (a) identiti atau kuasa orang yang memberi atau menyerupai memberi arahan tersebut; atau
  - (b) kesahan arahan tersebut, tanpa mengira:-
    - (i) bahawa arahan tersebut mungkin bercanggah dengan mana-mana arahan lain yang diberikan anda kepada kami; atau
    - (ii) sebarang ralat, salah faham, tipuan, pemalsuan atau kurang kejelasan terma-terma di dalam arahan tersebut.
- 6.6 Jika anda adalah seorang Pemegang Akaun individu tunggal, apabila anda meninggal dunia, hilang upaya akal atau kebangkrapan, kami boleh mengikut budi bicara mutlak kami menggantung Akaun Pelaburan Emas tanpa bertanggung kepada anda sehingga kami menerima bukti yang memuaskan hati kami tentang orang-orang yang mempunyai kuasa perundangan untuk mengendalikan Akaun Pelaburan Emas.
- 6.7 Mana-mana arahan yang diterima selepas kami mempunyai notis kematian anda atau kematian Orang yang Diberikuasa anda tidak akan diambil tindakan tanpa mengira tarikh arahan tersebut.
- 6.8 Jika sebelum bertindak atas arahan yang diterima dari seorang Orang yang Diberikuasa, kami menerima arahan bertentangan daripada orang yang juga Orang yang Diberikuasa, kami akan hanya bertindak selepas daripada itu atas mandat semua Pemegang Akaun (jika Pemegang-pemegang Akaun merupakan individu) atau semua Orang yang Diberikuasa (jika anda merupakan suatu perkongsian, pertubuhan, persatuan, organisasi atau syarikat) berkaitan Akaun Pelaburan Emas.
- 6.9 Anda memberi kuasa kepada kami untuk bertindak atas apa-apa arahan yang diberikan kepada kami secara bertulis yang ditandatangani dan dihantar melalui faksimili (atau yang sepatutnya ditandatangani dan dihantar) oleh anda atau Orang yang Diberikuasa. Anda sedar dan mengakui dan menerima risiko-risiko salah faham dan ralat di dalam arahan yang diberikan oleh anda atau Orang yang Diberikuasa dengan cara yang demikian dan kami tidak akan bertanggung atas apa-apa kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang mungkin diakibatkan daripada salah faham, ralat atau arahan yang tidak diberikuasa tersebut.
- 6.10 Kami boleh memutuskan, tidak bertindak atas atau menerima arahan yang diberikan secara bertulis tanpa memberikan apa jua sebab dan anda bersetuju bahawa kami tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang dialami oleh anda disebabkan keengganan atau tinggalan kami untuk bertindak atas arahan demikian.



- 6.11 Kami tidak akan bertanggung kepada anda atas apa-apa kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang mungkin diakibatkan daripada:-
- (a) sebarang salah faham, ralat, ubahsuai atau arahan yang tidak diberikuasa, tipuan, pemalsuan, kegagalan operasi ketika transmisi arahan anda atau Orang yang Diberikuasa anda;
  - (b) sebarang salah faham, ralat atau arahan yang tidak diberikuasa; atau
  - (c) sebarang kelewatan di pihak kami untuk bertindak atas mana-mana arahan, sama ada terdapat suatu perubahan ke atas harga belian atau jualan emas atau sebaliknya.
- 6.12 Anda bersetuju menanggung rugi kami dan untuk kami terus menerus ditanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa terhadap apa-apa tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian atau perbelanjaan (termasuk kos perundangan atas dasar tanggung rugi penuh) yang timbul dengan apa jua cara sekalipun daripada tindakan kami atas arahan anda tersebut, atau sebagaimana yang kami anggap sesuai, enggan bertindak atas arahan anda atau Orang yang Diberikuasa anda tersebut atau sebahagian daripadanya.
- 6.13 Anda mengakui bahawa kami boleh menjalankan apa jua prosedur dan ciri-ciri keselamatan yang kami anggap sesuai dan/atau perlu dari semasa ke semasa untuk menentusah identiti anda atau Orang yang Diberikuasa anda dan bahawa transaksi tersebut telah diberikuasa oleh anda atau Orang yang Diberikuasa anda. Tanpa prejudis yang tersebut, kami boleh meminta pengesahan apa-apa arahan daripada anda atau Orang yang Diberikuasa anda dalam apa-apa bentuk atau cara yang kami anggap sesuai.

## **7 Akaun Bersama (terpakai kepada Pemegang Akaun individu)**

- 7.1 Jika suatu Akaun Pelaburan Emas dibuka atau dikekalkan atas nama lebih dari seorang Pemegang Akaun individu:
- (a) setiap Pemegang Akaun hendaklah secara bersama dan berasingan terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini (termasuk apa-apa pindaan dari semasa ke semasa);
  - (b) kami akan bertindak atas arahan daripada anda berdasarkan mandat bertulis yang anda berikan kepada kami dan setiap Pemegang Akaun hendaklah secara bersama dan berasingan bertanggung ke atas semua transaksi yang timbul daripada arahan tersebut;
  - (c) jika mandat akaun adalah untuk salah seorang Pemegang Akaun berurusniaga dengan Akaun Pelaburan Emas (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian, penjualan dan pertukaran emas fizikal, arahan (sama ada secara lisan, bertulis atau sebaliknya) dan penutupan Akaun Pelaburan Emas), anda bersetuju bahawa kami diberikan hak untuk bertindak atas arahan daripada hanya seorang Pemegang Akaun dan anda hendaklah secara bersama dan berasingan bertanggung atas semua transaksi yang timbul daripada arahan-arahan demikian tanpa mengira sama ada anda:-
    - (i) menyedarinya;
    - (ii) bersetuju dengannya; atau
    - (iii) akan mendapat manfaat daripadanya atau mengalami sebarang kerugian yang timbul daripadanya;arahan tersebut daripada Pemegang Akaun yang lain.
  - (d) jika, walau apapun apa-apa peruntukan lain di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini, sebelum bertindak atas arahan yang diterima daripada seorang Pemegang Akaun, kami menerima arahan yang bertentangan daripada Pemegang Akaun yang lain, kami boleh enggan bertindak dan meminta mandat semua Pemegang Akaun bersama dan kami tidak

akan bertanggung atas apa-apa kerugian yang diakibatkan daripada keengganan untuk bertindak tersebut; dan

- (e) kami diberikan hak untuk mendebit Akaun yang Ditetapkan pada bila-bila masa berkaitan apa-apa jumlah yang kena dibayar dan terhutang kepada kami oleh mana-mana Pemegang Akaun yang dengan namanya Akaun Pelaburan Emas dibuka dan dikekalkan.

Tiada seorang Pemegang Akaun akan dilepaskan, atau liabilitinya akan terkesan oleh, apa-apa pelepasan, pembebasan, masa, timbang rasa, konsesi, penepian atau persetujuan pada bila-bila masa yang diberikan atau yang terkesan berkaitan mana-mana seorang atau lebih Pemegang Akaun lain.

7.2 Atas kematian mana-mana Pemegang Akaun bersama:-

- (a) kami boleh mengikut budi bicara mutlak kami menggantung Akaun Pelaburan Emas tanpa bertanggung kepada setiap Pemegang Akaun; dan
- (b) kami diberikuasa untuk memegang emas di dalam Akaun Pelaburan Emas menurut arahan Pemegang Akaun yang masih hidup tanpa prejudis kepada apa-apa hak yang kami mungkin ada terhadap wang tersebut yang timbul daripada, antara lain, apa-apa lien, gadaian, sandaran, tolak selesai, atau apa-apa tuntutan atau tuntutan balas sebenar atau bersyarat. Sebarang tindakan yang kami ambil menurut arahan yang diberikan oleh Pemegang Akaun yang masih hidup di bawah Klausa 7.3 di bawah hendaklah mengikat setiap seorang Pemegang Akaun dan waris dan wakil diri mereka masing-masing.

7.3 Pemegang Akaun yang masih hidup boleh mengarahkan kami untuk:-

- (a) melepaskan emas di dalam Akaun Pelaburan Emas kepada dirinya sendiri; atau
- (b) membuat bayaran daripada jualan emas di dalam Akaun Pelaburan Emas, ke dalam Akaun yang Ditetapkan;

dan selepas kami telah bertindak berdasarkan arahan yang dinyatakan di atas dari Pemegang Akaun yang masih hidup, ia hendaklah menjadi suatu pelepasan obligasi kami yang sah dan sempurna berkaitan Akaun Pelaburan Emas.

7.4 Doktrin kemandirian hendaklah terpakai kepada Akaun Pelaburan Emas yang dibuka atas nama bersama lebih dari seorang individu.

7.5 Di mana Akaun Pelaburan Emas dibuka secara bersama dengan seorang kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun, oleh ibu atau bapa kanak-kanak itu, ibu atau bapa itu hendaklah menjadi Pemegang Akaun utama. Sekiranya berlaku kematian Pemegang Akaun utama, sebelum kanak-kanak berkenaan mencapai umur lapan belas (18) tahun, Akaun Pelaburan Emas akan dibekukan dan perkara-perkara berkaitan Akaun Pelaburan Emas akan dirujuk kepada wakil diri harta pusaka Pemegang Akaun utama.

7.6 Jika mana-mana Pemegang Akaun menjadi bankrup atau kurang upaya, kami boleh mengikut budi bicara mutlak kami menggantung Akaun Pelaburan Emas tanpa bertanggung kepada anda sehingga kami menerima bukti yang memuaskan hati kami tentang orang-orang yang mempunyai kuasa perundangan untuk mengoperasikan Akaun Pelaburan Emas.

7.7 Kami akan hanya menghantar satu notis atau komunikasi ke alamat surat-menyurat yang dinyatakan oleh Pemegang Akaun secara bertulis berdasarkan mandat yang berkuatkuasa pada masa itu berkaitan Akaun Pelaburan Emas, dan notis atau komunikasi ini hendaklah dianggap telah dihantar kepada semua Pemegang Akaun.



- 8 Peruntukan-peruntukan untuk Pemilik Tunggal/Rakan Kongsi/Pertubuhan/Persatuan/Organisasi/Syarikat (terpakai kepada Pemegang Akaun bukan individu)**
- 8.1 Untuk pemilikan tunggal, individu yang membentuk pemilikan tunggal adalah bertanggung ke atas semua hutang dan liabiliti lain yang terhutang oleh anda kepada kami sekalipun jika terdapat apa-apa perubahan kepada cara pemilikan tunggal itu dibentuk, anda melaksanakan suatu perubahan nama atau pemilikan tunggal itu tidak lagi wujud.
- 8.2 Untuk perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961, semua rakan kongsi (atas asas bersesama dan berasingan) adalah terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini (termasuk apa-apa pindaan dari semasa ke semasa), terma-terma dan syarat-syarat di dalam borang permohonan Akaun Pelaburan Emas dan Borang Transaksi yang menyatakan terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai kepada arahan-arahan dan Akaun Pelaburan Emas, dan bertanggung ke atas semua hutang dan liabiliti lain yang terhutang oleh anda kepada kami sekalipun jika terdapat apa-apa perubahan di dalam perkongsian itu (termasuk tetapi tidak terhad kepada kematian, peletakan jawatan, penggantian, tambahan, kebangkrapan seorang rakan kongsi atau selainnya), anda melaksanakan suatu perubahan nama atau anda dibubarkan. Kami boleh, dengan ketiadaan notis bertulis yang menyatakan sebaliknya, melayani rakan kongsi yang tinggal atau yang baru sebagai mempunyai kuasa untuk menjalankan perniagaan perkongsian dan untuk berurusan dengan Akaun Pelaburan Emas seolah-olah tidak berlaku perubahan di dalam pembentukan perkongsian.
- 8.3 Untuk perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, jika terdapat perubahan di dalam perkongsian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kematian, peletakan jawatan, penggantian, tambahan, kebangkrapan rakan kongsi atau selainnya), anda melaksanakan suatu perubahan nama atau anda dibubarkan, kami boleh, dengan ketiadaan notis bertulis yang menyatakan sebaliknya, melayani rakan kongsi yang tinggal atau yang baru sebagai mempunyai kuasa untuk menjalankan perniagaan perkongsian dan untuk berurusan dengan Akaun Pelaburan Emas seolah-olah tidak berlaku perubahan di dalam pembentukan perkongsian.
- 8.4 Untuk pertubuhan, persatuan, organisasi atau syarikat, apa-apa perubahan di dalam pembentukan melalui penggabungan, penyatuan atau selainnya tidak akan memberi kesan atau menetapkan liabiliti anda di bawah Akaun Pelaburan Emas.
- 8.5 Anda hendaklah dengan serta merta memberitahu kami secara bertulis tentang apa-apa perubahan di dalam pembentukan atau nama pemilikan tunggal, perkongsian, pertubuhan, persatuan, organisasi atau syarikat.
- 8.6 Jika anda adalah sebuah perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961, apabila berlaku kematian mana-mana rakan kongsi, kami boleh mengikut budi bicara mutlak kami dan pada bila-bila masa sebagaimana yang kami anggap sesuai, untuk memutuskan bahawa kelayakan hak untuk Akaun Pelaburan Emas hendaklah beralih kepada rakan kongsi yang masih hidup dan peralihan itu hendaklah tertakluk apa-apa hak yang kami mungkin ada yang timbul daripada, antara lain, apa-apa lien, gadaian, sandaran, tolakan selesai atau apa-apa tuntutan atau tuntutan balas lain, sebenar atau bersyarat. Kami juga boleh mengikut budi bicara mutlak kami menggantung Akaun Pelaburan Emas apabila berlaku kematian, kebangkrapan atau ketidakwarsan mana-mana rakan kongsi.
- 8.7 Jika anda adalah sebuah pertubuhan, persatuan, organisasi, syarikat atau sebuah perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, apabila berlaku kematian mana-mana Orang yang Diberikuasa, kami hendaklah diberikuasa untuk bertindak atas arahan Orang yang Diberikuasa yang masih hidup sebagaimana dinyatakan di dalam borang permohonan Akaun Pelaburan Emas atau mandat pengoperasian atau resolusi yang dirujuk di dalam Klausula 6.1 di atas (mana-mana yang berkenaan) seolah-olah Orang yang Diberikuasa yang telah meninggal dunia bukanlah seorang Orang yang Diberikuasa untuk Akaun Pelaburan Emas, tertakluk kepada penerimaan kami terlebih dahulu apa-apa pemberitahuan secara bertulis oleh anda tentang sebarang perubahan atau pertukaran kepada operasi Akaun Pelaburan Emas.

- 8.8 Dengan perserahan suatu petisyen kebangkrapan atau penggulungan atau apa-apa notis pembubaran terhadap anda, kami boleh mengikut budi bicara mutlak kami menggantung Akaun Pelaburan Emas dan penggantungan tersebut hendaklah tertakluk kepada apa-apa hak yang kami mungkin ada yang timbul daripada, antara lain, apa-apa lien, gadaian, sandaran, tolakan selesai atau apa-apa tuntutan atau tuntutan balas lain, sebenar atau bersyarat.

## 9 Fi dan Caj

- 9.1 Anda mungkin perlu membayar fi dan caj kerana menggunakan Akaun Pelaburan Emas, dan fi dan caj demikian boleh dipinda dari semasa ke semasa. Kadar semasa ke atas fi dan caj boleh anda dapati di cawangan-cawangan kami, laman web rasmi kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my) atau atas permintaan anda.
- 9.2 Suatu fi pentadbiran dalam amaun yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa, akan dikenakan setiap bulan jika baki Akaun Pelaburan Emas pada akhir bulan jatuh di bawah takat minimum sebagaimana yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa.
- 9.3 Suatu fi pertukaran akan dikenakan untuk setiap arahan menukar emas di dalam Akaun Pelaburan Emas kepada emas fizikal. Fi yang dikenakan akan ditentukan oleh kami apabila berlaku pertukaran.
- 9.4 Anda hendaklah bertanggungjawab membayar semua kos, caj, fi dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada fi guaman kami) berhubung atau yang bersampingan kepada Akaun Pelaburan Emas termasuk tetapi tidak terhad kepada penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami di bawah Akaun Pelaburan Emas dan/atau Akaun yang Ditetapkannya.
- 9.5 Anda hendaklah memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun yang Ditetapkan pada setiap masa untuk semua bayaran termasuk apa-apa fi dan caj yang kena dibayar oleh anda berhubung Akaun Pelaburan Emas dan anda memberi kuasa kepada kami untuk mendebit bayaran berkenaan daripada Akaun yang Ditetapkan apabila ianya menjadi kena dibayar.
- 9.6 Kami boleh, mengikut budi bicara mutlak kami, dari semasa ke semasa, mengenakan, mengubah atau menyemak, apa-apa fi dan caj yang dikenakan ke atas Akaun Pelaburan Emas dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu.

## 10 Penyata Akaun

- 10.1 Kami akan mengeluarkan suatu Penyata Akaun yang merekodkan transaksi (jika ada) dan baki berkenaan Akaun Pelaburan Emas pada selang bulanan atau pada selang selainnya yang kami anggap sesuai.
- 10.2 Sebarang permintaan untuk Penyata Akaun tambahan mesti dibuat secara bertulis kepada kami dan ini akan tertakluk kepada suatu caj sebagaimana yang kami anggap sesuai apabila permintaan demikian dibuat. Caj tersebut hendaklah didebitkan daripada Akaun yang Ditetapkan.
- 10.3 Apabila Akaun Pelaburan Emas dipegang secara bersama oleh lebih daripada seorang Pemegang Akaun, kami akan hanya menghantar satu Penyata Akaun ke alamat surat menyurat yang dinyatakan oleh Pemegang Akaun secara bertulis berdasarkan mandat yang pada masa itu berkuatkuasa berkenaan Akaun Pelaburan Emas.
- 10.4 Kami boleh menghantar kepada anda Penyata Akaun melalui mel biasa pada penghujung bulan atau pada suatu selang masa yang kami anggap sesuai. Jika anda adalah seorang individu dan berjaya mendaftar perkhidmatan ePenyata kami, tiada salinan penyata bercetak akan dihantar. Jika anda telah berjaya mendaftar perkhidmatan ePenyata kami, satu salinan Penyata Akaun bercetak masih boleh dihantar kepada anda atas permintaan anda tertakluk kepada bayaran caj semasa kepada kami.

10.5 Anda bersetuju bahawa anda mempunyai tugas untuk:-

- (a) memeriksa semua kemasukan di dalam Borang Transaksi dan Penyata Akaun;
- (b) dengan serta merta memberitahu kami secara bertulis apa-apa ralat, tinggalan atau ketidaktepatan di dalam Borang Transaksi dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Borang Transaksi;
- (c) dengan serta merta memberitahu kami secara bertulis apa-apa ralat, tinggalan atau ketidaktepatan di dalam Penyata Akaun dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Penyata Akaun;
- (d) dengan serta merta memberitahu kami secara bertulis jika anda tidak menerima Penyata Akaun dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan yang dijangkakan; dan
- (e) memantau semua baki anda sepanjang masa dan melaporkan kepada kami apabila menjumpai sebarang transaksi yang tidak diberikuasa.

10.6 Jika kami tidak menerima apa-apa pemberitahuan bertulis daripada anda di bawah Klausa 10.5(b) dan 10.5(c) dalam tempoh yang dinyatakan di atas, anda dianggap secara muktamadnya:-

- (a) telah menerima, dan hendaklah terikat oleh kesahihan, ketidaksalahan dan ketepatan kemasukan di dalam Borang Transaksi dan Penyata Akaun dan baki yang dinyatakan di dalam Penyata Akaun; dan
- (b) telah meratifikasi atau mengesah setiap satu transaksi yang dipersembahkan oleh kemasukan yang dinyatakan di dalam Penyata Akaun.

Kemasukan-kemasukan di dalam Borang Transaksi dan Penyata Akaun hendaklah dianggap sebagai bukti muktamad arahan anda kepada kami untuk menyempurnakan transaksi-transaksi yang dinyatakan di dalam Penyata Akaun. Anda hendaklah tidak mempunyai tuntutan terhadap kami yang timbul daripada, berhubung dengan atau sebagai hasil dari apa-apa transaksi yang dirujuk di dalam Borang Transaksi dan Penyata Akaun.

10.7 Kami berhak membuat pelarasan, pembalikan, pembatalan apa-apa kemasukan ke dalam Penyata Akaun atau mendebit Akaun Pelaburan Emas pada bila-bila masa jika kami:-

- (a) perlu membetulkan suatu ralat atau tinggalan;
- (b) diperlukan untuk mengembalikan dana yang telah dikreditkan secara salah ke dalam Akaun Pelaburan Emas; atau
- (c) telah tidak menerima dana sepenuhnya dan pada masanya yang telah dijelaskan dan tanpa syarat.

Apa-apa kemasukan di dalam Penyata Akaun yang telah disahkan hendaklah mengikat anda.

## 11 Pertukaran kepada Emas Fizikal

11.1 Anda boleh meminta menukarkan emas yang dibeli atau yang berkedudukan baki di dalam Akaun Pelaburan Emas kepada emas fizikal, dengan memberikan satu arahan bertulis kepada kami dengan melengkapkan Borang Transaksi atau apa-apa borang lain yang ditetapkan oleh kami. Setelah kami menerima Borang Transaksi yang telah lengkap daripada anda, anda bersetuju bahawa arahan sedemikian adalah tidak boleh batal dan anda adalah terikat dengan arahan tersebut.

11.2 Kami boleh, mengikut budi bicara mutlak kami, menolak permintaan anda untuk pertukaran kepada emas fizikal tanpa memberikan sebarang sebab.

11.3 Jika kami meluluskan permintaan anda untuk pertukaran kepada emas fizikal, ia akan tertakluk kepada suatu fi pertukaran (sebagaimana yang ditentukan oleh kami mengikut budi bicara mutlak kami) yang akan dikenakan apabila pertukaran berkenaan berlaku.

11.4 Untuk mana-mana emas fizikal yang disampaikan atau akan disampaikan atas permintaan anda di bawah Klausa 11.1 di atas, kami tidak berkewajipan untuk membeli emas fizikal daripada anda.

## **12 Tiada Faedah**

12.1 Tiada faedah yang kena dibayar oleh kami berkaitan Akaun Pelaburan Emas.

## **13 Status Akaun Dorman dan Wang Tidak Dituntut**

13.1 Akaun Pelaburan Emas dengan baki kredit diklasifikasikan sebagai dorman apabila akaun itu tidak mempunyai transaksi jualan dan belian untuk suatu tempoh berturut-turut selama tujuh ratus tiga puluh (730) hari atau suatu tempoh lain yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa.

13.2 Sebaik sahaja Akaun Pelaburan Emas telah diklasifikasikan sebagai dorman, anda perlu mengarahkan kami untuk mengaktifkan semula Akaun Pelaburan Emas sebelum anda dibenarkan menjalankan apa-apa transaksi dengan Akaun Pelaburan Emas.

13.3 Akaun Pelaburan Emas adalah tidak tertakluk kepada Akta Wang Tidak Dituntut 1965.

## **14 Representasi dan Waranti**

14.1 Penerimaan kami tentang permohonan anda untuk membuka Akaun Pelaburan Emas adalah bergantung kepada representasi dan waranti berikut yang dibuat oleh anda, yang semuanya mestilah dipatuhi dalam semua perkara yang material sepanjang tempoh Akaun Pelaburan Emas:-

- (a) anda mempunyai kuasa, hak, keupayaan dan kuasa penuh untuk, menerima dan bersetuju kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan melaksanakan Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
- (b) tiada orang selain anda yang mempunyai kepentingan di dalam emas dan Akaun Pelaburan Emas;
- (c) anda telah tidak mewujudkan apa-apa lien, gadaian, sandaran, pindahmilik, serah hak atau selainnya membebani emas di dalam Akaun Pelaburan Emas atau mana-mana akaun anda yang dipegang dengan kami, sama ada secara berseorangan atau berse sama;
- (d) bahawa tidak terdapat prosiding litigasi (sama ada sivil atau jenayah) timbangtara atau pentadbiran, yang masih belum selesai, sedang berjalan atau diancam terhadap anda;
- (e) bahawa anda telah tidak melakukan apa-apa tindakan kebangkrapan, dan bahawa tiada prosiding kebangkrapan telah dimulakan atau sedang diancam terhadap anda;
- (f) bahawa anda berupaya membayar hutang anda apabila ianya menjadi tertunggak dan bahawa tiada prosiding penggulungan telah dimulakan atau sedang diancam terhadap anda;
- (g) bahawa anda telah memfailkan semua borang cukai yang perlu difailkan menurut undang-undang dan telah membayar atau membuat peruntukan yang mencukupi untuk membayar semua cukai, taksiran, fi atau caj kerajaan lain yang ditaksir terhadap anda atau terhadap harta, aset, perniagaan dan pendapatan anda;

- (h) bahawa tiada Kejadian Keingkar telah berlaku atau sedang berterusan;
- (i) bahawa tidak terdapat perubahan kepada keadaan kewangan anda yang akan menjejaskan secara material keupayaan anda untuk melaksanakan obligasi di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
- (j) bahawa semua maklumat yang anda berikan kepada kami berkaitan Akaun Pelaburan Emas tidak mengandungi apa-apa kenyataan yang tidak benar atau mengelirukan atau gagal menzahirkan apa-apa fakta;
- (k) bahawa anda tidak sedar dan telah tidak dengan sengaja menyimpan apa-apa maklumat atau fakta yang boleh menyebabkan dengan pembukaan Akaun Pelaburan Emas, kami melanggar mana-mana Undang-undang Terpakai;
- (l) bahawa anda tidak terlibat dengan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang dan semua wang yang diperuntukkan kepada kami tidak diperolehi melalui apa jua cara daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- (m) bahawa anda bukanlah:-
  - (i) seorang warganegara mana-mana negara yang tertakluk kepada Sanksi;
  - (ii) sebuah entiti yang diperbadan di bawah undang-undang atau dimiliki atau dikawal (secara langsung atau tidak langsung) oleh seseorang yang berada di dalam atau diorganisasikan di bawah undang-undang sebuah negara yang tertakluk kepada Sanksi; atau
  - (iii) seorang yang disenaraikan di dalam senarai orang yang dikenakan sanksi yang dikeluarkan oleh mana-mana kerajaan, institusi atau agensi kerajaan, pengawal selia atau pihak berkuasa atau yang disediakan oleh Kumpulan; dan
- (n) kecuali dengan persetujuan bertulis kami yang nyata, tiada orang mempunyai atau akan mempunyai apa-apa sekuriti atau bebanan lain ke atas Akaun Pelaburan Emas.

14.2 Representasi dan waranti di atas hendaklah dianggap sebagai diulangi apabila anda memberikan apa-apa arahan berhubung Akaun Pelaburan Emas.

## 15 Penutupan / Penggantungan Akaun Pelaburan Emas

15.1 Anda boleh meminta untuk menutup Akaun Pelaburan Emas dengan memberikan arahan bertulis kepada kami dan menyelesaikan semua jumlah yang tertunggak (termasuk fi, caj dana pa-apa kos lain) jika ada, kepada kami.

15.2 Walau apa pun Klausula 15.1 di atas, kami boleh menutup, menarik balik atau menggantung Akaun Pelaburan Emas:-

- (a) sebagaimana yang kami anggap sesuai dengan memberikan notis kepada anda terlebih dahulu;
- (b) jika Akaun Pelaburan Emas tidak berbaki dan tiada transaksi di dalam Akaun Pelaburan Emas untuk suatu tempoh berterusan selama dua belas (12) bulan. Kami akan memberi notis bertulis kepada anda terlebih dahulu selepas penutupan atau penggantungan Akaun Pelaburan Emas tersebut;
- (c) jika pada pandangan kami, anda tidak mematuhi mana-mana Undang-undang Terpakai;
- (d) jika pada pandangan kami, Akaun Pelaburan Emas tidak dioperasikan dengan cara yang betul dan biasa;

- (e) jika anda, atau mana-mana Pemegang Akaun, mengancam melanggar atau telah melanggar mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau terma-terma dan syarat-syarat lain dan/atau syarat-syarat yang terpakai kepada anda atau mana-mana perjanjian lain sama ada berkaitan peminjaman dana atau pemberian pendahuluan atau kredit atau sebaliknya;
- (f) jika mana-mana representasi, waranti atau akujanji yang dibuat kepada kami oleh anda adalah atau menjadi tidak betul atau mengelirukan secara material;
- (g) jika anda gagal membayar pada mana-mana tarikh kena bayar apa-apa wang yang anda sepatutnya membayar kepada kami atau jika anda gagal melepaskan apa-apa obligasi atau liabiliti yang terhutang kepada kami;
- (h) jika anda meninggal dunia atau menjadi tidak siuman;
- (i) jika anda menjadi bankrap atau tidak solven atau membenarkan apa-apa penghakiman tidak diselesaikan secara berterusan untuk suatu tempoh dua puluh satu (21) hari;
- (j) jika anda melakukan apa-apa tindakan kebankrapan atau anda tidak dapat membayar hutang anda, atau menggantung hutang anda, atau memasuki apa-apa komposisi atau pengaturan dengan atau untuk manfaat pemiutang anda;
- (k) jika apa-apa resolusi diluluskan, atau suatu petisyen diserahkan terhadap anda:
  - (i) untuk kebankrapan, likuidasi, penggulungan atau pembubaran;
  - (ii) untuk pelantikan seorang pelikuidasi, penerima, pemegang amanah atau pengurus kehakiman;
- (l) jika seorang pelikuidasi, penerima, pemegang amanah, pengurus kehakiman atau seorang pegawai yang setara yang dilantik untuk semua atau sebahagian besar aset anda;
- (m) jika pelaksanaan atau apa-apa bentuk pemulihan hutang atau tindakan penguatkuasaan adalah dilevikan atau diambil terhadap mana-mana aset anda;
- (o) jika anda memindahmilik atau melupuskan atau berniat memindahmilik atau melupuskan sebahagian besar aset anda;
- (o) jika mengikut pandangan kami, terdapat apa-apa perubahan atau perubahan yang diancam berkaitan:-
  - (i) keadaan-keadaan yang secara material dan berlawanan akan menjejaskan keadaan perniagaan atau kewangan anda atau keupayaan anda untuk melaksanakan obligasi anda di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini; atau
  - (ii) keadaan-keadaan yang berkaitan dengan anda atau mana-mana pengarah atau ahli lembaga pengurusan anda atau mana-mana pemegang saham secara langsung atau tidak langsung yang boleh, pada pandangan kami, mendedahkan kami kepada risiko kerugian atau reputasi atau tindakan peraturan dalam mana-mana negara;
  - (iii) status anda sebagai seorang warganegara Malaysia;
  - (iv) status anda sebagai seorang pemastautin atau syarikat yang dikuasai pemastautin; atau



- (v) pemegang saham, struktur pegangan saham, pengarah atau pengurusan anda;
- (p) jika suatu notis atau cadangan untuk pengambilalihan wajib mana-mana hartanah anda dikeluarkan atau dibuat di bawah mana-mana undang-undang;
- (q) jika mana-mana cek anda adalah tidak laku;
- (r) jika anda disenarai hitam menurut garis panduan DCHEQS atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
- (s) jika mana-mana akaun anda dengan kami ditetapkan semula atau ditutup oleh kami atas apa jua sebab sekalipun;
- (t) jika anda gagal melepaskan mana-mana obligasi atau liabiliti kepada kami atau kepada mana-mana orang lain;
- (u) jika anda melakukan suatu keingkaran dalam mana-mana pinjaman, kemudahan atau pengaturan yang setara dengan mana-mana orang (termasuk kami) yang memberikan hak kepada pemiutang berkenaan (termasuk kami) untuk menuntut pembayaran balik pinjaman, kemudahan atau pengaturan sebelum tarikh kena dibayar, untuk menarik balik pinjaman, kemudahan atau pengaturan, atau untuk menguatkuasakan sekuriti untuk pinjaman, kemudahan atau pengaturan;
- (v) jika terdapat suatu keingkaran di dalam bayaran apa-apa wang di bawah akaun mana-mana orang yang mana anda memberikan sekuriti;
- (w) jika terdapat apa-apa prosiding litigasi (sama ada sivil atau jenayah) timbangtara atau pentadbiran yang belum selesai, yang masih berjalan atau diancam terhadap anda;
- (x) jika kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Akaun Pelaburan Emas atau mana-mana bahagiannya digunakan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- (y) jika terdapat apa-apa siasatan oleh pihak polis atau organisasi polis, badan atau agensi kerajaan, agensi atau suruhanjaya pencegahan rasuah atau pengawal selia (di Malaysia atau di tempat lain) yang belum selesai, sedang berjalan atau diancam terhadap anda;
- (z) jika anda telah didakwa atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah atau mempunyai apa-apa rekod jenayah;
- (aa) jika terdapat apa-apa laporan yang dibuat terhadap anda di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (sebagaimana dipinda atau diganti dari semasa ke semasa);
- (bb) jika keberadaan anda tidak kami ketahui;
- (cc) jika anda menjadi seorang Orang Amerika Syarikat; atau
- (dd) jika kami memutuskan mengikut budi bicara tunggal kami bahawa penerusan Akaun Pelaburan Emas boleh memudaratkan kedudukan kami; budi bicara kami adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada persoalan oleh anda.

15.3 Apabila berlaku mana-mana kejadian di dalam Klausula 15.1 dan 15.2 di atas:-

- (a) kami tidak akan lagi di bawah obligasi dan/atau komitmen kepada anda berkaitan Akaun Pelaburan Emas;

- (b) kami boleh (tetapi tidak wajib) menggantung (selama-lamanya atau sebaliknya) atau menutup Akaun Pelaburan Emas, atau perhubungan dengan anda dan semua wang dan faedah yang pada masa itu terhutang kepada kami di bawah Akaun Pelaburan Emas akan secara serta merta kena dibayar apabila dituntut oleh kami;
- (c) kami boleh menggunakan mana-mana jumlah kredit di dalam mana-mana akaun anda yang anda punyai dengan kami terhadap apa-apa kerugian yang timbul dan/atau jumlah yang anda berhutang kepada kami di bawah Akaun Pelaburan Emas; dan
- (c) kami berhak melaksanakan apa-apa hak atau kuasa:-
  - (i) yang kami ada di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini; dan
  - (ii) yang kami boleh perolehi menurut undang-undang;

tanpa sebarang notis kepada anda, melainkan sebaliknya disebut dengan nyata.

- 15.4 Anda tidak boleh menggunakan Akaun Pelaburan Emas untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- 15.5 Kami boleh mengambil apa-apa tindakan yang kami pertimbangkan sebagai sesuai untuk kami memenuhi apa-apa obligasi atau keperluan di Malaysia atau di tempat lain di dunia berhubung pencegahan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada tipuan, pengubahan wang haram, aktiviti keganasan, rasuah atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sanksi ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang kami boleh ambil termasuk penutupan Akaun Pelaburan Emas dengan serta merta, membuat laporan dan mengambil langkah-langkah lain yang kami anggap sesuai.
- 15.6 Apa-apa penutupan atau pembatalan atau penggantungan Akaun Pelaburan Emas oleh kami tidak memberikan hak kepada anda untuk menuntut apa-apa pampasan terhadap kami atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau kena dibayar oleh anda sama ada ianya adalah kesan langsung atau tidak langsung dari pembatalan atau penggantungan tersebut.
- 15.7 Untuk suatu kejadian penutupan di bawah Klausa 15.1, 15(2)(a) dan 15.2(b), sebelum tarikh penutupan, anda hendaklah mengarahkan kami tentang cara pelupusan emas yang betul di dalam Akaun Pelaburan Emas.
- 15.8 Untuk suatu kejadian penutupan di bawah suatu Kejadian Keingkar, sekiranya terdapat mana-mana emas di dalam Akaun Pelaburan Emas, kami boleh (tetapi tidak wajib) membeli balik emas di dalam Akaun Pelaburan Emas dengan cara dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang kami anggap sesuai. Hasil bersih pembelian balik kami (selepas ditolak apa-apa kerugian yang timbul daripada jualan itu dan apa-apa jumlah yang terhutang oleh anda kepada kami) hendaklah dikreditkan ke dalam Akaun yang Ditetapkan.
- 15.9 Kami tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, jika ada, dalam pembelian balik emas atau atas apa-apa kerugian atau susut nilai emas yang timbul daripada pembelian balik tersebut. Anda bersetuju bahawa kami mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan masa, harga dan terma-terma pembelian balik emas dan anda bersetuju untuk terikat dengan masa, harga dan terma-terma pembelian balik sedemikian.
- 15.10 Setelah penutupan/pembatalan Akaun Pelaburan Emas, anda mesti membayar semua fi, kos, caj, perbelanjaan, cukai, duti, levi dan amaun yang terakru sehingga ke tarikh penutupan/pembatalan Akaun Pelaburan Emas.
- 15.11 Apa-apa obligasi bayaran oleh kami kepada anda selepas penutupan atau pembatalan Akaun Pelaburan Emas hendaklah dikreditkan ke dalam Akaun yang Ditetapkan. Sekiranya Akaun yang Ditetapkan telah ditutup, kami akan mengeluarkan dan menghantar satu deraf bank atau perintah

juruwang yang dibayar kepada anda, melalui pos biasa ke alamat terakhir yang diketahui dari rekod kami. Selepas kami telah bertindak berdasarkan peruntukan-peruntukan di atas, ia hendaklah membentuk suatu pelepasan yang sah dan sempurna tentang obligasi kami berkaitan Akaun Pelaburan Emas.

## **16 Ejen-ejen Kami**

16.1 Kami boleh menggunakan perkhidmatan mana-mana bank atau ejen di mana-mana lokasi yang kami anggap boleh dinasihatkan sedemikian berhubung apa-apa pungutan untuk atau transaksi perbankan anda yang lain. Bank atau ejen tersebut dianggap sebagai ejen dan kami tidak akan, dalam apa keadaan sekalipun, bertanggungjawab atau bertanggung kepada anda atas sebab apa-apa tindakan atau tinggalkan mana-mana bank atau ejen tersebut. Semua caj yang dikenakan kepada kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos, perbelanjaan, cukai, duti atau levi, akan menjadi perkiraan untuk Akaun Pelaburan Anda.

## **17 Sanksi dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram**

17.1 Anda mesti memberikan dan mendedahkan kepada kami dalam tempoh masa yang kami tetapkan, apa-apa maklumat, penyata dan penjelasan berkaitan Akaun Pelaburan Emas yang kami anggap perlu untuk:-

- (a) mematuhi undang-undang atau Sanksi di Malaysia atau mana-mana negara lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada pencegahan pengubahan wang haram atau pencegahan keganasan); dan/atau
- (b) mengurus risiko pengubahan wang haram atau risiko pembiayaan keganasan atau risiko sanksi ekonomi dan perdagangan.

17.2 Sementara kami menunggu maklumat dari anda dan sehingga kami telah menentusah maklumat itu yang memuaskan hati kami, kami tidak berkewajipan meneruskan apa-apa transaksi atau pengeluaran.

17.3 Anda mengisytiharkan dan mengakujajani kepada kami bahawa proses mana-mana transaksi tidak akan melanggar mana-mana undang-undang atau Sanksi di Malaysia atau mana-mana negara lain. Kami tidak akan bertanggung ke atas sebarang kerugian yang timbul akibat daripada apa-apa kelewatan atau kegagalan memproses apa-apa transaksi disebabkan ketidakcukupan maklumat dan dokumen oleh anda.

## **18 Penyimpanan Rekod Anda**

18.1 Anda bersetuju bahawa kami tidak berkewajipan mengekalkan apa-apa rekod Akaun Pelaburan Emas, termasuk tetapi tidak terhad kepada borang-borang pembukaan akaun, Penyata Akaun, Borang-borang Transaksi, surat-menyurat atau dokumen-dokumen berkaitan Akaun Pelaburan Emas, yang melebihi sebarang tempoh penyimpanan yang ditetapkan di bawah polisi, garis panduan dan prosedur kami dan/atau sebagaimana diperuntukkan di bawah mana-mana Undang-undang Terpakai.

## **19 Cukai, Duti atau Levi**

19.1 Anda bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai atau levi yang, pada tarikh pembukaan Akaun Pelaburan Emas atau pada mana-mana tarikh selepas tarikh pembukaan Akaun Pelaburan Emas, diperlukan oleh undang-undang (dan akan termasuk apa-apa pindaan yang dilakukan ke atas undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan sedemikian) untuk dibayar kepada mana-mana pertubuhan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, yang berkaitan dengan sebarang fi dan caj yang dikenakan atau ditanggung oleh kami berhubung dengan Akaun Pelaburan Emas dan / atau perkhidmatan.

19.2 Sebarang cukai atau levi yang ditanggung oleh kami berhubung dengan penggunaan Akaun Pelaburan Emas dan / atau perkhidmatan dan apa-apa barangan atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Akaun Pelaburan Emas akan ditanggung dan dikenakan kepada anda dan jika kami melakukan pembayaran bagi pihak anda, anda akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami amaun sedemikian yang telah dibayar.

## **20 Lien**

20.1 Kami mempunyai suatu lien ke atas emas di dalam Akaun Pelaburan Emas anda untuk semua fi, caj, kos dan perbelanjaan masa kini dan hadapan yang ditanggung oleh kami atau terhutang oleh anda kepada kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau atas apa-apa akaun yang anda mungkin ada dengan kami sama ada dipegang berseorangan atau bersesama dengan mana-mana orang lain.

20.2 Tanpa menjejaskan apa-apa hak lain yang kami mungkin ada di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau menurut undang-undang, kami boleh, pada bila-bila masa, mengikut budi bicara mutlak kami, membeli semula emas di dalam Akaun Pelaburan Emas selepas empat belas (14) hari dari tarikh tuntutan bertulis kami kepada anda menuntut bayaran apa-apa jua wang yang kena dibayar oleh anda kepada kami (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos, perbelanjaan, cukai, duti dan levi). Pembelian balik itu hendaklah pada harga belian semasa kami untuk membeli emas tersebut.

20.3 Hasil yang kena dibayar oleh kami berikutan pembelian balik di bawah Klausula 20.2 hendaklah digunakan untuk membayar semua fi, caj dan wang tertunggak yang belum berbayar, terhutang atau kena dibayar oleh anda dan jika terdapat sebarang baki, amaun ini akan dibayar kepada anda.

20.4 Jika kami membeli emas di dalam Akaun Pelaburan Emas, ianya hendaklah tidak diambil sebagai suatu penepian mana-mana Kejadian Keingkaran.

## **21 Hak untuk Mendebit**

21.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak lain yang mungkin kami ada di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau melalui undang-undang, kami boleh, pada bila-bila masa, mengikut budi bicara mutlak kami, dan tanpa memberikan anda sebarang notis terlebih dahulu, mendebit Akaun yang Ditetapkan anda dan mana-mana akaun lain (termasuk baki mana-mana akaun overderaf) yang anda mungkin ada dengan kami sama ada bersendirian atau dengan mana-mana orang lain dengan apa-apa wang sekalipun yang kena dibayar oleh anda kepada Kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos, perbelanjaan, cukai, duti atau levi.

21.2 Jika terdapat suatu Kejadian Keingkaran, apa-apa pendebitan akaun anda oleh kami tidak akan diambil sebagai penepian mana-mana Kejadian Keingkaran berkenaan.

21.3 Jika mana-mana pendebitan mana-mana akaun anda menyebabkan akaun menjadi terlebih keluar, faedah pada kadar semasa yang kami mungkin kenakan dan tetapkan dari semasa ke semasa hendaklah menjadi kena dibayar kepada kami sewajarnya.

## **22 Hak Tolakan Selesai dan Penyatuan**

22.1 Sebagai tambahan kepada apa-apa hak am untuk tolakan selesai di bawah undang-undang atau mana-mana perjanjian lain, anda bersetuju bahawa kami boleh mengikut budi bicara mutlak kami, tanpa sebarang notis kepada anda, pada bila-bila masa mencantumkan, menyatukan atau menggabungkan semua atau mana-mana akaun anda (sama ada Akaun Pelaburan Emas, semasa, deposit, pinjaman atau selainnya) dengan kami, sama ada secara berseorangan atau bersesama dengan mana-mana orang lain. Anda memberi kuasa kepada kami, selepas memberikan notis tujuh (7) hari kepada anda, untuk menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah atau emas yang pada kedudukan kredit dalam mana-mana akaun berkenaan (sama ada

telah matang atau tidak) (“Baki Kredit”) untuk tujuan melangsaikan liabiliti anda kepada kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini, di bawah mana-mana perjanjian lain dan/atau dalam hal lain, sama ada liabiliti itu adalah pada masa ini atau masa hadapan, sebenar atau bersyarat, utama atau kolateral, dan berasingan atau bersesama (“Liabiliti”).

- 22.2 Setelah pengeluaran notis yang disebut di dalam Klausula 22.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini, anda bersetuju bahawa kami mempunyai hak untuk menguntuk atau menahan Baki Kredit, sebelum penolakan selesai itu dan anda tidaklah berhak menarik balik apa-apa Baki Kredit, tanpa persetujuan bertulis kami terlebih dahulu.
- 22.3 Di mana cantuman, tolakan selesai, penyatuan atau pindahan demikian memerlukan tukaran satu mata wang dengan yang lain, tukaran ini hendaklah dikira pada kadar spot semasa sebagaimana yang kami tetapkan mengikut budi bicara mutlak kami.
- 22.4 Jika terdapat suatu kekurangan di antara jumlah terhutang dan jumlah yang direalisasikan, anda mestilah dengan serta merta, setelah dituntut, membayar kepada kami jumlah perbezaan tersebut, dan sehinggalah kami menerima bayaran penuh, anda juga hendaklah membayar faedah ke atas baki tersebut pada kadar yang kami boleh tentukan dari semasa ke semasa, kedua-duanya selepas dan juga sebelum apa-apa penghakiman, dan tidak mengira sama ada hubungan bank dan pelanggan di antara kami dan anda telah terhenti atau telah ditamatkan.
- 22.5 Tiada Baki Kredit atau apa-apa hak, hakmilik atau kepentingan anda di dalamnya boleh diserahkan, dipindah milik atau dibebankan (kecuali berpihak kepada kami, atau dengan persetujuan bertulis kami). Anda mengakujajoi untuk tidak, atau berkira-kira untuk, menjual, menyerahkan hak, memindah milik, menggadai janji, menggadai atau selainnya berurusan dengan atau membebaskan Baki Kredit atau apa-apa hak, hak milik atau kepentingan anda di dalamnya, dan mana-mana serah hak, pindah milik, gadai janji, gadaian atau lain-lain urusan dengan sedemikian akan menjadi batal.
- 22.6 Selagi anda berhutang wang atau obligasi (yang bersifat apa jua dan walau bagaimana ia timbul) kepada kami, anda boleh menjual emas di dalam Akaun Pelaburan Emas atau menarik balik baki kredit daripada mana-mana akaun anda dengan kami, dengan persetujuan kami. Kami boleh pada bila-bila masa menahan mana-mana baki kredit anda sementara penyelesaian penuh semua wang dan obligasi yang terhutang kepada kami atau melaksanakan apa-apa hak di bawah Klausula 20 Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

### **23 Terma-terma dan Syarat-syarat Akaun**

- 23.1 Anda bersetuju bahawa Terma-terma dan Syarat-syarat kami yang Mengawal Tadbir Akaun Semasa dan Terma-terma dan Syarat-syarat kami yang Mengawal Tadbir Akaun Simpanan, termasuk apa-apa pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat tersebut, sebagaimana dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami (secara kolektif dirujuk sebagai “Terma dan Syarat Akaun”) hendaklah dianggap sebagai dimasukkan ke dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Sekiranya terdapat percanggahan di antara Terma dan Syarat Akaun dan Terma-terma dan Syarat-syarat ini berkaitan Akaun Pelaburan Emas, Terma-terma dan Syarat-syarat ini hendaklah diguna pakai.

### **24 Tiada Tolakan Selesai atau Tuntutan Balas oleh Pemegang Akaun**

- 24.1 Sehingga semua wang yang terhutang dibayar atau dilepaskan sepenuhnya, anda tidak berhak, dengan cara membayar balik apa-apa jumlah yang boleh didapatkan semula oleh kami atau dengan apa-apa cara atau apa-apa alasan lain, menuntut apa-apa tolakan selesai atau tuntutan balas terhadap kami berkaitan apa-apa liabiliti kami kepada anda. Anda bersetuju bahawa tiada di dalam urusan di antara kita dilayan sebagai membentuk suatu perjanjian tersirat yang menyekat atau menidakkan apa-apa lien, gadaian, ikrar, hak atau tolakan selesai atau hak lain yang kami telah sedia ada atau disiratkan oleh undang-undang.

## **25 Terma-terma dan Syarat-syarat yang Mengawal Tadbir Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB**

- 25.1 Sebagai tambahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini, jika anda meminta perkhidmatan kami melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, Terma-terma dan Syarat-syarat yang Mengawal Tadbir Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB akan terpakai sebagai tambahan kepada dan bukanlah sebagai ganti untuk apa-apa terma dan syarat yang terkandung di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Anda boleh melihat Terma-terma dan Syarat-syarat yang Mengawal Tadbir Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my).

## **26 Terma-terma dan Syarat-syarat PIB**

- 26.1 Sebagai tambahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini, jika anda meminta perkhidmatan kami melalui PIB, Terma-terma dan Syarat-syarat yang Mengawal Tadbir Perkhidmatan Perbankan Internet Peribadi UOB akan terpakai sebagai tambahan kepada dan bukanlah sebagai ganti untuk apa-apa terma dan syarat yang terkandung di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Anda boleh melihat Terma-terma dan Syarat-syarat yang Mengawal Tadbir Perkhidmatan Perbankan Internet Peribadi UOB di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my)

## **27 Kos dan Perbelanjaan**

- 27.1 Semua kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman, caj dan perbelanjaan yang dikenakan oleh kami berhubung Akaun Pelaburan Emas, penguatkuasaan atau pemeliharaan atau penguatkuasaan yang telah dicuba tentang hak-hak kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan apa-apa pengenaan cukai di bawah undang-undang cukai dan peraturannya di mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, akan kena dibayar oleh anda, setelah dituntut, atas dasar suatu tanggung rugi penuh, bersama-sama dengan faedah dari tarikh tuntutan hingga ke tarikh bayaran penuh pada kadar yang ditetapkan kami.
- 27.2 Kami mempunyai hak untuk menggunakan apa-apa bayaran yang kami terima daripada anda untuk menyelesaikan semua kos, caj dan perbelanjaan dalam kadar dan urutan keutamaan yang kami fikirkan sesuai, mengikut budi bicara mutlak kami, dan kami mempunyai hak untuk meletakkan dan memegang apa-apa bayaran yang kami terima daripada anda kepada kredit suatu akaun gantungan selama mana yang kami pilih, tanpa berkewajipan pada masa yang sama untuk menggunakan semua atau sebahagiannya untuk tujuan melepaskan apa-apa wang atau liabiliti yang ditanggung oleh anda di bawah Akaun Pelaburan Emas.

## **28 Pengelakan Bayaran**

- 28.1 Apa-apa asurans, sekuriti atau bayaran yang boleh dibatalkan atau diketepikan di bawah mana-mana undang-undang berkaitan penggulungan atau insolvensi dan sebarang pembebasan, penyelesaian atau pelepasan yang diberikan atau dibuat oleh kami atas kepercayaan tentang mana-mana asurans, sekuriti atau bayaran berkenaan tidak akan memprejudiskan atau menjejaskan hak kami untuk mendapat semula daripada anda wang yang dijamin di sini sepenuhnya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini seolah-olah asurans, sekuriti atau bayaran demikian telah tidak diterima dan seolah-olah pembebasan, penyelesaian atau pelepasan demikian telah tidak diberikan. Apa-apa pembebasan, penyelesaian atau pelepasan hendaklah dianggap telah dibuat tertakluk kepada syarat bahawa ia akan menjadi batal jika mana-mana bayaran atau sekuriti yang kami dahulunya telah terima atau selepas ini kami terima daripada mana-mana orang berkaitan wang yang anda telah bersetuju untuk membayar atau membayar semula adalah diketepikan di bawah mana-mana Undang-undang Terpakai atau terbukti telah menjadi tidak sah atas apa jua sebab.

## **29 Pindaan**

- 29.1 Kami boleh pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak kami, mengubah, menambah, memadam atau meminda Terma-terma dan Syarat-syarat ini dengan terlebih dahulu memberikan



notis dua puluh satu (21) hari kepada anda, sama ada melalui Penyata Akaun atau dengan pengeposan di laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my) atau di cawangan-cawangan kami, atau dengan apa jua cara yang kami pilih.

- 29.2 Jika anda tidak menerima pindaan itu, anda mesti menutup Akaun Pelaburan Emas dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan tersebut, sebaliknya anda akan dianggap telah menerimanya dan bersetuju kepada perubahan tersebut dan perubahan tersebut akan mengikat anda.
- 29.3 Kami boleh pada bila-bila masa mengikat budi bicara mutlak kami, meminda, mengubahsuai, menyemak, menghadkan, menaikkan, menggantung, membatalkan atau menarik balik semua atau mana-mana kemudahan, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan Akaun Pelaburan Emas dengan memberi notis kepada anda terlebih dahulu.

### 30 Pendedahan Maklumat

30.1 Anda bersetuju bahawa kami (termasuk pegawai, pekerja, ejen kami atau mana-mana orang lain kepada siapa kami memberikan akses kepada rekod, surat-menyurat atau apa-apa bahan berkaitan anda atau Akaun Pelaburan Emas) boleh mendedahkan pada bila-bila masa mengikat budi bicara mutlak kami tanpa memberitahu anda terlebih dahulu, sebarang maklumat berkaitan anda, akaun anda dengan kami atau Akaun Pelaburan Emas kepada orang-orang berikut:

- (a) mana-mana satu Kumpulan bagi mana-mana maksud yang berikut:
- (i) memberikan anda dengan perkhidmatan perbankan;
  - (ii) pelaporan;
  - (iii) pepadanan data;
  - (iv) meningkatkan dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan lain oleh kami;
  - (v) pencegahan penipuan atau jenayah;
  - (vi) menyasat, mencegah atau selainnya berhubung dengan apa-apa aktiviti perubahan wang haram atau jenayah lain;
  - (vii) pungutan hutang;
  - (viii) menyumber luarkan operasi kami;
  - (ix) pelaksanaan tugas-tugas sebagai seorang pegawai bank atau berkaitan dengan pengendalian audit atau pelaksanaan pengurusan risiko;
  - (x) memudahkan pelaksanaan fungsi kami atau mana-mana Kumpulan kami;
  - (xi) pematuhan dasar, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan;
  - (xii) pelaksanaan korporat;
  - (xiii) apa-apa proses undang-undang yang dimulakan oleh atau disampaikan kepada kami.
- (b) mana-mana orang, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau selainnya kepada kami untuk tujuan menyediakan, mengemas kini, menyelenggara dan menaik taraf perkhidmatan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menyasat percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
- (c) mana-mana orang, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang dilantik oleh kami berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah disumber luarkan;
- (d) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan penyiasatan berkaitan dengan sebarang kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
- (e) syarikat-syarikat kad kredit dan institusi kewangan berhubung dengan pertanyaan kad kredit;

- (f) lain-lain bank, institusi kewangan, biro kredit atau agen rujukan kredit (hanya untuk maklumat kredit);
- (g) juru audit, peguamcara dan penasihat profesional kami;
- (h) pencetak, vendor sistem komputer yang kami gunakan, dan kepada orang-orang yang memasang dan menyelenggara perkakasan itu dan lain-lain pembekal barangan atau pembekal perkhidmatan yang kami gunakan khidmat mereka;
- (i) mana-mana penerima yang dilantik oleh kami atau oleh mana-mana pihak lain;
- (j) mana-mana biro kredit yang mana kami adalah ahlinya, dan mana-mana ahli lain dan/atau jawatankuasa pematuhan biro kredit tersebut;
- (k) mana-mana agensi penarafan, penanggung insurans atau broker insurans atau pembekal langsung atau tidak langsung perlindungan kredit;
- (l) mana-mana peserta sebenar atau yang berpotensi menjadi peserta atau sub-peserta berhubung dengan mana-mana obligasi kami di bawah mana-mana perjanjian perbankan antara anda dan kami, atau pemegang serah hak, penerima novasi atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau penasihat) kepada mana-mana daripada mereka;
- (m) untuk transaksi yang dilaksanakan atau diproses dengan atau tanpa kebenaran anda dalam atau melalui mesin juruwang automatik bank atau institusi kewangan atau bukan kewangan lain atau terminal atau mesin kendalian kad atau peranti lain yang kami luluskan, kepada bank, institusi kewangan atau bukan institusi kewangan, peniaga atau pihak lain yang menerima penggunaan kad mesin juruwang automatik dan ejen atau kontraktor mereka masing-masing;
- (n) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan;
- (o) mana-mana orang yang kami, atau mana-mana ahli Kumpulan, dibenarkan atau dikehendaki untuk mendedahkan kepadanya di bawah undang-undang mana-mana negara;
- (p) mana-mana orang lain yang kepadanya pendedahan tersebut dianggap oleh kami untuk kepentingan kami, atau kepentingan mana-mana ahli Kumpulan (tidak terpakai kepada pakatan strategik untuk tujuan pemasaran dan promosi);
- (q) mana-mana orang yang berhasrat untuk menyelesaikan apa-apa wang yang tertunggak di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
- (r) mana-mana orang yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak Kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
- (s) Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami; atau
- (t) mana-mana pengarah atau Orang yang Diberi Kuasa anda.

### 31 Pematuhan Perintah Mahkamah

- 31.1 Kami dan Kumpulan boleh bertindak dengan apa-apa cara yang kami rasakan sesuai, tanpa berunding dengan anda terlebih dahulu, jika kami diserahkan dengan suatu perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh sebuah mahkamah dari mana-mana bidang kuasa. Anda bersetuju bahawa anda tidak akan meletakkan kami bertanggung ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan berhubung dengan tindakan kami.

## 32 Carian

- 32.1 Kami boleh tetapi tidak berkewajipan melakukan carian kebangkrapan atau carian-carian berkaitan kredit dari mana-mana agensi rujukan kredit, pengkalan data atau sistem ke atas mana-mana orang sebelum dan pada bila-bila masa selepas pembukaan Akaun Pelaburan Emas.
- 32.2 Anda membenarkan kami menjalankan carian sedemikian ke atas anda setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 32.3 Semua caj yang dikenakan berhubung carian di atas akan ditanggung oleh anda.

## 33 Perlindungan Data

- 33.1 Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Persendirian yang dikeluarkan oleh kami (yang boleh didapati di cawangan-cawangan kami dan juga di laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my)) dan klausa-klausa di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang mungkin bersangkut paut dengan pemprosesan Data Peribadi anda. Untuk mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Persendirian tersebut hendaklah dianggap sebagai dimasukkan secara rujukan ke dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 33.2 Anda bersetuju dan membenarkan bahawa kami boleh memindahkan Data Peribadi ke luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan Kumpulan akan diletakkan pada tahap perlindungan yang munasabah daripada sebarang kehilangan, salah guna, pengubahsuaian, akses tanpa kebenaran atau tidak sengaja atau pendedahan, perubahan atau pemadaman.
- 33.3 Sekiranya anda memberi Data Peribadi berkaitan pihak ketiga, termasuk data berkaitan waris terdekat dan orang tanggungan anda (di mana anda adalah seorang individu) atau data berkaitan dengan pengarah, pemegang syer, pegawai, penjamin individu dan pemberi sekuriti (di mana anda adalah sebuah perbadanan), untuk tujuan pembukaan atau pengoperasian Akaun Pelaburan Emas dengan kami atau selainnya melangani produk dan perkhidmatan kami, anda:
- (a) mengesahkan bahawa anda telah memperolehi kebenaran mereka atau diberikan hak untuk memberi data ini kepada kami dan untuk kami menggunakannya berdasarkan Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
  - (b) mengakujaji bahawa anda telah memaklumkan pihak ketiga berkenaan untuk membaca Notis Persendirian di laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my);
  - (c) telah memaklumkan pihak ketiga tersebut:-
    - (i) bahawa kami boleh memungut atau menentu sah data peribadi dan kewangan mereka dengan sumber pihak ketiga;
    - (ii) bahawa kami boleh mendedahkan data peribadi mereka kepada kelompok pihak ketiga yang dinyatakan di dalam Notis Persendirian kami;
  - (d) bersetuju memastikan bahawa data peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;

- (e) bersetuju mengemaskini kami secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan material kepada data peribadi dan kewangan tersebut; dan
  - (f) bersetuju kepada hak kami untuk menamatkan Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan menutup Akaun Pelaburan Emas jika kebenaran tersebut ditarik balik oleh pihak ketiga tersebut.
- 33.4 Di mana anda mengarahkan kami untuk menjalankan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), perincian yang berkaitan dengan transaksi rentas sempadan (termasuk data berkaitan mereka yang terlibat dengan transaksi tersebut) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negeri, di mana ia boleh diakses oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negeri berhubung dengan tugas sah mereka (sebagai contoh, pencegahan jenayah). Dalam mengerahkan kami dan/atau ejen kami untuk memasuki mana-mana transaksi rentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju kepada pendedahan di atas bagi pihak diri anda dan mereka yang lain yang terlibat di dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- 33.5 Sebagai tambahan, tetapi sentiasa tertakluk kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai kepada kami dan Kumpulan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), anda bersetuju bahawa kami dan Kumpulan, dan pedagang serta rakan strategik kami boleh menghubungi anda berkenaan produk, perkhidmatan dan tawaran, yang kami percaya anda mungkin berminat atau memberikan manfaat kepada anda secara kewangan. Walau apapun yang tersebut, kami akan hanya mendedahkan Data Peribadi anda (tidak termasuk data berkaitan hal ehwal atau akaun anda) kepada pedagang dan rakan strategik kami di mana kebenaran nyata anda telah diperolehi terlebih dahulu.
- 33.6 Anda boleh memilih untuk tidak menerima apa-apa bahan pemasaran langsung daripada kami dan Kumpulan dengan menulis kepada kami di 'Perkhidmatan Kewangan Peribadi, Peti Surat 13525, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur' (atau alamat lain yang kami maklumkan) dengan permintaan anda dan kami akan menuruti arahan bertulis terkini anda kepada kami.
- 33.7 Anda mengaku terima bahawa komunikasi tertentu seperti Penyata Akaun dan laman web kami mengandungi maklumat seragam berkaitan produk dan perkhidmatan lain kami yang tidak boleh disingkirkan tanpa memberi kesan kepada penyampaian/pemberian perkhidmatan dan/atau produk kami, operasi Akaun Pelaburan Emas, dan/atau tanpa mengenakan kos tambahan kepada anda.
- 33.8 Anda berhak untuk meminta secara bertulis:-
- (a) untuk sebarang maklumat berhubung dengan Data Peribadi anda yang kami pegang atau simpan, setelah bayaran suatu fi yang ditetapkan dibuat;
  - (b) untuk sebarang maklumat yang dipegang atau disimpan oleh kami untuk dikemas kini, dipinda dan/atau diperbetulkan;
  - (c) untuk kami hadkan pemprosesan Data Peribadi anda yang dipegang atau disimpan oleh kami; dan
  - (d) untuk membuat suatu pertanyaan atau aduan berkaitan dengan pemprosesan kami ke atas Data Peribadi anda.

Untuk permintaan di bawah perenggan (a) atau (b), anda boleh membuat suatu permintaan kepada kami melalui Borang Permintaan Akses Data atau Borang Permintaan Pembetulan Data, masing-masing. Borang-borang ini boleh didapati di cawangan-cawangan kami dan juga di laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my).

Anda boleh mengajukan semua permintaan anda kepada mana-mana cawangan kami atau 'Pengurusan Komunikasi Pelanggan, Peti Surat 11212, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur'.

Kami boleh mengenakan suatu fi untuk memproses permintaan anda untuk akses atau pembetulan. Kami boleh juga enggan mematuhi permintaan anda berkaitan dengan perenggan (a) dan (b) di atas jika maklumat yang diberikan oleh anda tidak mencukupi (sebagaimana ditentukan oleh kami) atau di mana permintaan demikian boleh melanggar atau menyalahi mana-mana undang-undang atau peraturan atau apa-apa sebab lain yang kami anggap bukan bagi kepentingan kami untuk berbuat demikian. Jika kami enggan mematuhi permintaan demikian, kami akan memberitahu anda akan keengganan kami dan sebab keengganan kami.

- 33.9 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan maklumat tersebut disimpan hingga terkini.
- 33.10 Ambil perhatian bahawa jika anda kemudiannya menarik balik persetujuan anda untuk memproses Data Peribadi anda sebagaimana diberikan terdahulu kepada kami, di mana kami tidak boleh memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda berkaitan dengan tujuan-tujuan yang dinyatakan di dalam Notis Persendirian, kami mempunyai hak untuk tidak memberikan atau tidak meneruskan pemberian apa-apa produk, perkhidmatan, Akaun Pelaburan Emas dan/atau kemudahan yang berhubung kait dengan Data Peribadi tersebut.
- 33.11 Kami berhak meminda Klausula 33 ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami dan akan memberikan pemberitahuan terlebih dahulu kepada anda secara bertulis dan meletakkan pindaan-pindaan berkenaan di dalam laman web kami atau dengan cara meletakkan notis di dewan perbankan atau lokasi utama di dalam cawangan-cawangan kami atau dengan cara komunikasi lain yang boleh dianggap sesuai oleh kami.
- 33.12 Klausula 33 ini hendaklah tidak memberi prejudis kepada mana-mana klausula lain di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang memperuntukkan pendedahan data.

#### **34 Pematuhan FATCA**

- 34.1 Anda hendaklah memberikan semua dokumen atau maklumat yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada tarikh lahir, negara kewarganegaraan, negara tempat tinggal tetap, negara pemastautin cukai dan nombor pengenalan pembayar cukai, yang mungkin diperlukan untuk membolehkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan mematuhi semua kehendak-kehendak FATCA atau perjanjian lain oleh atau di antara kerajaan.

Anda hendaklah memberitahu kami secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas sebarang perubahan yang memberi kesan kepada status cukai anda berhubung dengan FATCA di bawah mana-mana undang-undang, peraturan atau perjanjian lain oleh atau di antara kerajaan.

- 34.2 Anda memberi representasi dan menjamin bahawa anda telah berikan kepada kami semua dokumen atau maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh kami untuk mematuhi FATCA dan yang berkaitan dengan perubahan status cukai dan hendaklah memberikan semua dokumen atau lain-lain maklumat dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kami memintanya sama ada secara bertulis atau selainnya.

Anda seterusnya mengakui bahawa sebarang kegagalan di pihak anda memberikan maklumat yang tepat dan terkini selaras dengan keperluan dan permintaan dari kami boleh menyebabkan kami terpaksa menganggap anda sebagai keras kepala dan/atau boleh dilapor dan mengambil semua tindakan yang sewajarnya terhadap anda supaya membolehkan kami mematuhi kehendak-kehendak di bawah FATCA, undang-undang tempatan berkaitan FATCA dan mana-mana peruntukan yang timbul daripada suatu perjanjian di antara kerajaan-kerajaan berkaitan FATCA.

- 34.3 Bagi pelanggan individu, anda memberi kebenaran untuk pengumpulan, penyimpanan dan pendedahan mana-mana Data Peribadi oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan kepada orang-

orang daripada mana kami atau mana-mana ahli Kumpulan menerima atau membuat pembayaran bagi pihak anda dan pihak-pihak berkuasa kerajaan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau di antara kerajaan. Persetujuan anda adalah berkesan tanpa mengira apa-apa perjanjian tiada pendedahan yang terpakai. Anda memberi representasi bahawa anda telah memperolehi daripada pihak ketiga yang mana-mana maklumatnya diberikan kepada kami apa-apa persetujuan dan penepian yang perlu untuk membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan melaksanakan tindakan-tindakan yang dinyatakan dalam Klausa 34 ini, dan bahawa anda akan mendapatkan apa-apa persetujuan dan penepian terlebih dahulu untuk memberikan maklumat yang serupa kepada kami pada masa hadapan.

- 34.4 Bagi pelanggan yang merupakan suatu ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau entiti perniagaan yang lain, sebuah perbadanan, atau sebuah persatuan, kelab atau pertubuhan atau badan amanah, anda memberi kebenaran untuk pengumpulan, penyimpanan dan pendedahan sebarang Maklumat Sulit oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan kepada orang-orang yang daripadanya kami atau mana-mana ahli Kumpulan menerima atau membuat pembayaran bagi pihak anda dan pihak-pihak berkuasa kerajaan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau di antara kerajaan. Maklumat Sulit merangkumi data peribadi anda, butir-butir akaun bank anda, maklumat transaksi, dan apa-apa maklumat lain yang mana orang yang munasabah akan menimbangannya sebagai bersifat sulit atau proprietari. Persetujuan anda adalah berkesan tanpa mengira apa-apa perjanjian tiada pendedahan yang terpakai. Anda memberi representasi bahawa anda telah memperolehi daripada pihak ketiga yang mana-mana maklumatnya diberikan kepada kami apa-apa persetujuan dan penepian yang perlu untuk membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan melaksanakan tindakan-tindakan yang dinyatakan dalam Klausa 34 ini, dan bahawa anda akan mendapatkan apa-apa persetujuan dan penepian terlebih dahulu untuk memberikan maklumat yang serupa kepada kami pada masa hadapan.
- 34.5 Anda bersetuju dan mengakui bahawa kami berhak mengambil semua tindakan perlu untuk menjadi dan terus mematuhi FATCA seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau di antara kerajaan. Jika sebahagian daripada pendapatan anda boleh dilaporkan dan sebahagiannya tidak, kami akan melaporkan semua pendapatan melainkan kami boleh secara munasabahnya menentukan amaun yang boleh dilaporkan. Anda dengan ini memberi kuasa kepada kami atau mana-mana ahli Kumpulan, di mana perlu, untuk menahan atau mengutip dari mana-mana bayaran yang diperlukan apa-apa cukai atau taksiran kerajaan yang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kehendak untuk menahan atau menolak suatu amaun di bawah Kod dan peraturan-peraturannya dan panduan lain yang dikeluarkan di bawah Kod, setiap satunya sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa atau mana-mana perjanjian lain oleh atau di antara pihak berkuasa.
- 34.6 Kami atau mana-mana ahli Kumpulan, boleh mengambil apa-apa tindakan yang kami anggap sesuai untuk memenuhi apa-apa obligasi, sama ada di Malaysia atau di tempat lain di dunia, berkaitan pencegahan pengelakan cukai. Ini boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menyalahgunakan dan memintas pembayaran ke dalam dan ke luar dari akaun anda (terutamanya dalam kes pemindahan dana antarabangsa), menyalahgunakan sumber atau penerima dana, perkongsian maklumat dan dokumen-dokumen dengan pihak berkuasa cukai tempatan dan antarabangsa dan penahanan pendapatan dari akaun anda dan memindahkan ia kepada pihak-pihak berkuasa cukai. Jika kami tidak berpuas hati bahawa bayaran masuk atau keluar daripada akaun anda adalah sah, kami boleh enggan mengurusniaga dengannya.
- 34.7 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda bagi apa-apa kerugian, kos, perbelanjaan, kerosakan, liabiliti yang mungkin anda alami akibat daripada kami mematuhi perundangan, peraturan, perintah atau perjanjian dengan pihak berkuasa cukai atau oleh dan di antara pihak berkuasa cukai atau jika kami membuat penentuan yang tidak betul tentang sama ada atau tidak anda harus dilayan sebagai tertakluk kepada cukai atau obligasi pelaporan cukai.
- 34.8 Klausa 34 ini akan mengatasi mana-mana istilah yang tidak konsisten atau kebenaran yang diberikan oleh anda di bawah mana-mana perjanjian dengan kami ke tahap di mana perjanjian



tersebut memberi hak-hak yang sedikit atau lebih rendah untuk kami, sama ada sebelum atau selepas tarikh Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Klausula 34 ini hendaklah tanpa prasangka kepada mana-mana klausula lain di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang memperuntukkan permintaan untuk maklumat atau pendedahan data.

### **35 Notis dan Komunikasi**

35.1 Apa-apa notis, tuntutan, permintaan atau komunikasi (selain daripada Proses Perundangan) yang kami hantar kepada anda boleh:-

- (a) disampaikan dengan tangan ke alamat anda yang dinyatakan di dalam borang permohonan atau suatu alamat lain yang terakhir kami ketahui;
- (b) dihantar melalui pos (berdaftar, AR berdaftar, biasa atau selainnya) ke alamat anda yang dinyatakan di dalam borang permohonan atau alamat lain yang terakhir kami ketahui;
- (c) dihantar melalui transmisi faksimili ke nombor faksimili yang terakhir kami ketahui;
- (d) dihantar melalui mel elektronik ke alamat mel elektronik yang terakhir kami ketahui;
- (e) dihantar melalui sistem pesanan ringkas (SMS) ke nombor telefon mudah alih yang terakhir kami ketahui;
- (f) dikomunikasikan kepada anda melalui pengeposan di laman web kami; atau
- (g) dikomunikasikan kepada anda dengan memasukkan ke dalam mana-mana Penyata Akaun yang kami hantar kepada anda.

35.2 Notis atau komunikasi tersebut akan dianggap telah diterima oleh anda:-

- (a) pada masa penyampaian di alamat anda, jika disampaikan dengan tangan;
- (b) pada hari ketiga (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ianya diposkan, sekalipun jika ia tidak disampaikan atau dikembalikan;
- (c) pada masa transmisi faksimili telah sempurna;
- (d) pada masa pengmelan elektronik telah sempurna;
- (e) pada masa penghantaran dengan sistem pesanan ringkas (SMS) telah sempurna;
- (f) pada masa pengeposan di laman web kami; atau
- (g) pada masa Penyata Akaun adalah dianggap telah diterima oleh anda.

35.3 Kami tidak akan bertanggungjawab atas apa yang mungkin berlaku kepada notis atau komunikasi selepas ianya dihantar, sebagai contoh jika mana-mana notis atau komunikasi adalah terlewat, dipintas, hilang, gagal sampai atau didedahkan kepada mana-mana orang semasa dalam perjalanan.

35.4 Kami juga berhak untuk menyerahkan kepada anda apa-apa notis berhubung dengan Akaun Pelaburan Emas melalui iklan di dalam mana-mana satu akhbar harian dan notis sedemikian akan dianggap telah diserahkan kepada anda pada hari iklan tersebut terdapat di dalam akhbar tanpa mengira sama ada anda telah sebenar-benarnya melihat iklan tersebut.

35.5 Perubahan kepada maklumat perhubungan:-

- (a) Anda bersetuju memberitahu kami dengan serta merta sebarang perubahan surat-menyurat, mel atau alamat kediaman anda dan maklumat perhubungan anda ("Maklumat").
- (b) Jika anda tidak memaklumkan kami sebarang perubahan kepada Maklumat, anda bersetuju bahawa kami boleh mengikut budi bicara mutlak kami, bergantung kepada:-
  - (i) mana-mana alamat dan/atau maklumat perhubungan yang dinyatakan di dalam borang permohonan atau di dalam rekod kami; atau
  - (ii) mana-mana alamat dan/atau maklumat perhubungan yang kami perolehi daripada mana-mana komunikasi yang dikatakan dikeluarkan daripada anda kepada kami.
- (c) Sebarang kegagalan anda memberitahu kami tentang suatu perubahan di dalam Maklumat berikutan dari kelewatan atau ketidaksampaian mana-mana Penyata Akaun, surat-menyurat dan/atau notis tidak akan memprejudiskan hak dan kelayakan kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

### **36 Penyampaian Proses Perundangan**

36.1 Sebagai tambahan kepada dan bukannya sebagai ganti kepada mana-mana cara penyampaian yang dibenarkan atau ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu, sebarang penyampaian Proses Perundangan oleh atau bagi pihak kami boleh dilaksanakan ke atas anda:

- a) dengan meninggalkan sesalinan di alamat yang dinyatakan di dalam borang permohonan atau dalam mana-mana komunikasi yang dikatakan dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir kami ketahui dan ia hendaklah dianggap telah anda terima pada hari ianya ditinggalkan di alamat tersebut; atau
- b) dengan menghantar sesalinan melalui pos berdaftar prabayar atau pos biasa ke alamat yang dinyatakan di dalam borang permohonan atau dalam mana-mana komunikasi yang dikatakan dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir kami ketahui dan ia hendaklah dianggap telah anda terima pada hari ketiga (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ianya diposkan, sekalipun jika ianya tidak disampaikan atau dipulangkan.

### **37 Keadaan Di Luar Kawalan**

37.1 Jika kami tidak dapat:

- (a) melaksanakan apa-apa obligasi kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
- (b) menjalankan operasi perniagaan biasa kami; atau
- (c) menyediakan apa-apa perkhidmatan;

berikutan apa-apa sebab di luar kawalan kami termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- (i) sebarang kebakaran, gempa bumi, banjir, kilat, tsunami, wabak, bencana alam, kemalangan, rusuhan, gangguan sivil, pertikaian industri, tindakan keganasan, embargo, peperangan atau Takdir Tuhan;
- (ii) sebarang kegagalan atau gangguan kepada bekalan telekomunikasi, internet, elektrik, air atau minyak; atau
- (iii) apa-apa keadaan yang bersifat 'force majeure', iaitu, suatu kejadian yang tidak dapat dijangkakan yang menghalang kami daripada melaksanakan mana-mana obligasi kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini,

Kami tidak akan, dengan cara apa pun, bertanggung ke atas sebarang kegagalan untuk melaksana atau kerana sebarang ketidakselesaian, kerugian, kecederaan atau kerosakan yang anda mungkin alami secara langsung atau tidak langsung akibat daripada kegagalan untuk melaksana tersebut.

### **38 Tanggung Rugi**

38.1 Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan apa-apa hak lain dan remedi kami yang lain (menurut undang-undang atau selainnya), anda akan apabila dituntut menanggung rugi kami dan memastikan kami tidak dipertanggungjawabkan dari dan terhadap semua kerugian, kos, caj dan perbelanjaan apa pun, termasuk kos guaman atas dasar suatu tanggung rugi penuh dan semua barangan dan perkhidmatan, tambah nilai dan lain-lain duti, levi dan cukai yang kena dibayar atas kos, caj dan perbelanjaan tersebut yang kami mungkin alami atau tanggung disebabkan:-

- (a) apa-apa kegagalan anda mematuhi mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
- (b) kami bertindak berdasarkan arahan anda atau dengan apa-apa cara yang dibenarkan di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
- (c) apa-apa perubahan kepada mana-mana Undang-undang Terpakai termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana undang-undang percukaian atau peraturan-peraturan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
- (d) apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan atau disebabkan untuk dilakukan oleh kami berhubung atau yang boleh dirujuk kepada Akaun Pelaburan Emas atau Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
- (e) kami bergantung dan bertindak atas mana-mana arahan anda secara suci hati sekalipun jika ia kemudiannya dibuktikan bahawa arahan itu sebenarnya tidak diberikan, ditulis atau diberikuasa oleh anda; dan/atau
- (f) berlakunya mana-mana Kejadian Keingkar.

38.2 Perakuan kami ke atas amaun kerugian atau perbelanjaan tersebut adalah muktamad dan mengikat anda melainkan terdapat apa-apa kesilapan yang nyata.

### **39 Tiada Penepian**

39.1 Anda bersetuju bahawa jika anda melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini, kami boleh mengikut budi bicara mutlak kami memutuskan untuk tidak menjalankan mana-mana hak atau remedi yang kami punyai berkaitan dengan pelanggaran anda.

39.2 Anda bersetuju bahawa, sekalipun jika kami mungkin tidak menjalankan mana-mana hak atau remedi yang kami punyai sebaik sahaja berlaku pelanggaran anda, kami tidak boleh dipegang sebagai telah mengenyepikan pelanggaran tersebut dan kami boleh pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan semua atau mana-mana hak atau remedi yang kami boleh dapati di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan mana-mana Undang-undang Terpakai. Sebarang kelewatan di pihak kami dalam mengambil langkah menguatkuasakan remedi yang kami boleh dapati di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau mana-mana Undang-undang Terpakai tidak akan dengan apa jua cara menjejaskan hak kami untuk mengambil langkah tersebut dan kami memegang hak itu pada bila-bila masa selepas daripada itu untuk dengan tegasnya menguatkuasakan atau untuk berkeras ke atas hak kami berhubung dengan pelanggaran tersebut atau mana-mana pelanggaran berikutnya oleh anda.

### **40 Kebolehasingan**

40.1 Jika mana-mana peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah atau menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu

akan dianggap sebagai tidak dimasukkan ke dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini; baki Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah terus efektif dan berkuatkuasa dan tidak terjejas dalam apa-apa cara oleh peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu.

#### **41 Remedi Kumulatif**

41.1 Hak, remedi, kuasa dan keistimewaan yang diperuntukkan di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif tentang apa-apa hak, remedi dan keistimewaan yang diperuntukkan oleh undang-undang, dalam mana-mana perjanjian lain di antara pihak-pihak atau selainnya.

#### **42 Pemeliharaan Hak dan Kelayakan**

42.1 Anda bersetuju bahawa, tanpa mengira apa yang telah dinyatakan di mana-mana jua di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, hak kami sebagaimana yang dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan terus kekal berkuatkuasa penuh dan akan berterusan walaupun berlaku sebarang penutupan, pembatalan atau penggantungan Akaun Pelaburan Emas.

#### **43 Perubahan kepada Perlembagaan**

43.1 Hak, liabiliti dan/atau obligasi yang diwujudkan oleh Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan terus menjadi sah dan mengikat untuk semua tujuan, tanpa mengira berlakunya apa-apa pindahmilik atau serah hak ke atas perniagaan, operasi, aset, atau liabiliti kami, atau sebarang perubahan disebabkan penggabungan, penyatuan, pembentukan semula, atau sebaliknya di dalam perlembagaan kami, atau mana-mana syarikat di bawah mana perniagaan kami dijalankan, dan syarikat itu akan boleh dapati untuk menjalankan perniagaan itu.

#### **44 Kebolehserahakan**

44.1 Anda tidak boleh menyerah hak mana-mana hak anda di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan di bawah Akaun Pelaburan Emas tanpa persetujuan bertulis kami terlebih dahulu.

44.2 Kami boleh menyerah hak mana-mana atau semua hak kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan di bawah Akaun Pelaburan Emas kepada mana-mana orang yang kami anggap sesuai.

#### **45 Pengganti Terikat**

45.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan mengikat waris, wakil diri dan pengganti hakmilik anda dan pengganti hakmilik dan serahan hak kami.

#### **46 Perbadanan Insurans Deposit Malaysia**

46.1 Anda telah dimaklumkan bahawa Akaun Pelaburan Emas ini tidak layak mendapat perlindungan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

#### **47 Undang-undang yang Mengawal Tadbir**

47.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan dikawal tadbir oleh dan ditafsir berdasarkan undang-undang Malaysia dan anda secara tidak boleh batal:-

- (a) menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia;
- (b) mengeneipkan semua bantahan atas sebab kesesuaian tempat, bidangkuasa atau apa-apa alasan yang sama; dan
- (c) bersetuju kepada penyampaian Proses Perundangan dalam apa cara lain yang dibenarkan oleh Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan/atau mana-mana Undang-undang Terpakai.

**48 Memfailkan suatu Aduan**

48.1 Jika terdapat sebarang isu yang anda berhasrat untuk memberi maklum balas kepada kami atau mengemuka suatu aduan, anda boleh: -

- (a) menulis kepada Pengurusan Komunikasi Pelanggan, Peti Surat 11212, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur;
- (b) menghantar suatu emel kepada [uobcustomerservice@uob.com.my](mailto:uobcustomerservice@uob.com.my); atau
- (c) melawat laman web korporat kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my) untuk maklumat lanjut tentang bagaimana untuk mengemuka suatu aduan.